

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2024
N25 PULAU TIKUS

Assalamualaikum w.b.t, salam sejahtera dan salam Malaysia MADANI kepada semua warga dewan.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang telah diberikan kepada saya. Ucapan saya pada hari ini merangkumi dua portfolio ahli EXCO dan tajuk dengan tema:

Pulau Pinang sebagai negeri yang berdaya huni, harmoni dan pintar melalui Aspirasi Penang 2030. Portfolio dan tajuk yang dirangkumi adalah seperti berikut:

1. Infrastruktur dan Pengangkutan.
2. Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa.

Aksesibiliti terhadap Infrastruktur dan Pengangkutan yang mampan serta lestari sebagai tonggak utama sebuah negeri dan bandar pintar.

Tuan Yang di-Pertua,

Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri dalam Malaysia di mana keseluruhan kawasan tadbir pihak berkuasa tempatan (PBT) adalah berstatus “bandaraya”. Negeri ini mempunyai keluasan sebanyak 285 kilometer persegi dan sekaligus mempunyai keluasan tanah kedua terkecil di Malaysia. Namun begitu, dengan jumlah penduduk seramai 1.77 juta dan kepadatan penduduknya adalah sebanyak 1,659/km² (4,300/sq mi) setakat tahun 2020. Hal ini sekaligus menjadikan Pulau Pinang sebagai salah satu negeri di Malaysia yang paling berpenduduk padat dan dibandarkan. Umum mengetahui bahawa pengumuman projek Transit Aliran Ringan (LRT) di Pulau Pinang oleh Perdana Menteri Malaysia yang kesepuluh iaitu Datuk Seri Anwar Ibrahim telah mendapat maklum balas positif oleh penduduk di negeri ini. Di samping itu, pemerkasaan laluan pejalan kaki dan basikal pada Penang Master Plan turut direncanakan demi keselesaan penduduk. Kita boleh lihat sendiri inisiatif oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai dalam mewujudkan konsep “20 Minutes Neighbourhood” nama tidak disambut baik oleh penduduk kerana salah satu

faktornya adalah tahap aksesibiliti terhadap laluan pejalan kaki dan pengangkutan awam masih berada pada tahap yang lemah.

Tuan Yang di-Pertua,

Persoalan yang ingin saya ajukan adalah berkait rapat dengan kesinambungan serta aksesibiliti penduduk terhadap infrastruktur dan pengangkutan baharu ini selaras dengan apa yang disebutkan dalam Penang Transport Master Plan (PTMP). Pertama, adakah kerajaan negeri mempunyai cadangan dalam menjadikan negeri Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang kita sebutkan sebagai “Walkable City” sesuai dengan konsep sebenar yang direncanakan oleh ahli akademik Carlos Moreno pada konsep “15 Minutes Neighbourhood” atau “15-Minute City”. Jika kita lihat, ruang dan peluang yang akan berhasil setelah projek Transit Aliran Ringan ini akan menambahkan lagi ekosistem pengangkutan awam di Pulau Pinang. Oleh yang demikian, sejauhmanakah tahap kesediaan kerajaan negeri dalam merancang pembangunan yang mampan dan berpaksikan kelestarian alam sekitar sesuai dengan hasrat menjadikan negeri ini sebagai negeri bersih, hijau pintar dan berdaya huni sekaligus merealisasikan aspirasi Penang 2030.

Membangun Malaysia Madani. Sekian, terima kasih.

Muhammad Hifzhan Faris Bin Azman

N25 Pulau Tikus

Sidang Muda 2024

SIDANG MUDA
PULAU PINANG